



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

SEMBAHYANG SUNAT ISTISQA': Jalan Terbaik Untuk Memohon Hujan

(Bilangan Pertama)

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Sembahyang sunat Istisqa' ialah sembahyang bagi memohon hujan kerana memerlukan air. Ini bersandarkan kepada hadits yang diriwayatkan oleh 'Aisyah *Radhiallahu 'anha* mengenai aduan orang ramai kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* tentang tidak turunnya hujan. Lalu Baginda menyuruh mengambil mimbar dan meletakkannya di tempat sembahyang lalu menetapkan suatu hari untuk orang ramai akan keluar mengerjakan sembahyang di tempat itu.

Setelah tiba hari yang ditetapkan itu Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* pun pergi ke tempat tersebut pada waktu sinar matahari mula terbit dan Baginda pun duduk di atas mimbar, bertakbir dan memuji Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Kemudian Baginda pun bersabda:

()

Maksudnya: “*Sesungguhnya kamu telah mengadu kegersangan negeri kamu dan kelewatan (datangnya) hujan pada musimnya kepada kamu, padahal sesungguhnya Allah ‘Azza Wajalla telah memerintahkan kamu agar berdoa kepada-Nya dan telah menjanjikan kepada kamu untuk mengabulkan doa kamu.*

Kemudian Baginda berkhotbah dengan bersabda: “Segala pujian bagi Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam, yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan. Tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah yang melakukan apa yang Dia kehendaki. Ya Allah! Engkaulah Allah, tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Engkau yang Maha Kaya dan kami pula orang-orang fakir. Engkau turunkanlah ke atas kami hujan dan jadikanlah apa yang Engkau turunkan itu kekuatan dan kecukupan untuk kami sehingga suatu masa (ajal kami).

Kemudian Baginda mengangkat kedua-dua tangannya berterusan sehingga tampak putih kedua-dua ketiaknya lalu Baginda membelakangi orang ramai dan membalikkan atau memindahkan selendangnya sambil mengangkat kedua-dua tangannya. Setelah itu Baginda menghadap orang ramai dan turun (dari mimbar) lalu mengerjakan sembahyang dua raka'at. Maka Allah menjadikan awan mendung lalu berguruh dan berkilat. Setelah itu turunlah hujan dengan izin Allah. Belum pun Baginda sampai (dari padang sahara tempat Baginda sembahyang Istisqa') ke masjidnya (an-Nabawi), air hujan sudah mengalir (dari setiap penjuru). Ketika Baginda melihat mereka (orang ramai) tergesa-gesa menuju tempat berteduh, Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam tertawa sehingga jelas gigi gerahamnya.

Lalu Baginda bersabda: "Aku naik saksi bahawa Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu dan bahawa aku adalah hamba Allah dan pesuruh-Nya."

(Hadits riwayat Abu Daud)

Bila Disunatkan memohon hujan

- (i) Apabila air diperlukan kerana seperti tanah kering dan kemarau.
- (ii) Apabila orang yang tidak dilanda kemarau atau tidak memerlukan air memohon hujan kerana mahukan lebih banyak air. Ini kerana jika mereka bergantung kepada air yang sedia ada sahaja, nescaya tidak mencukupi.
- (iii) Apabila orang yang tidak dilanda kemarau atau tidak memerlukan air memohon hujan bagi pihak orang lain yang dilanda kemarau atau orang lain yang memerlukan air.
- (iv) Apabila mengulangi memohon hujan kerana belum dikabulkan permohonan mereka sebelum ini.

Cara-cara memohon hujan

- (i) Sekurang-kurangnya dengan berdoa semata-mata tanpa terikat dengan mengerjakan sembahyang dan selepas mengerjakan sembahyang. Berdoa tersebut dilakukan sama ada seorang diri atau berkumpulan.
- (ii) Cara yang pertengahan ialah dengan berdoa selepas mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat atau sembahyang yang lain walaupun sembahyang sunat, berdoa ketika khutbah Jumaat dan seumpamanya seperti khutbah sembahyang sunat Hari Raya.
- (iii) Cara yang paling afdhal ialah dengan mengerjakan sembahyang sunat Istisqa' dan membaca dua khutbah berserta melakukan adab-adab yang dituntut sebelum mengerjakan sembahyang tersebut.

Waktu sembahyang sunat Istisqa'

Sembahyang sunat Istisqa' sebagaimana menurut pendapat yang *shahih*, harus dilakukan pada bila-bila masa sama ada siang atau malam walaupun pada waktu yang dilarang mengerjakan sembahyang, kerana sembahyang sunat Istisqa' itu mempunyai sebab yang terdahulu iaitu berhajat kepada air.

Walau bagaimanapun sembahyang sunat Istisqa' itu lebih utama dikerjakan seperti waktu sembahyang sunat Hari Raya sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* apabila beliau ditanya bagaimana cara Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengerjakan sembahyang sunat Istisqa', beliau menjawab:

()

Maksudnya: “*Bahawa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam telah keluar (untuk mengerjakan sembahyang sunat Istisqa’) dengan berpakaian biasa, tawaduk dan merendah diri sehingga sampai ke tempat sembahyang. Baginda tidak berkhotbah seperti khotbah kamu ini, akan tetapi Baginda berterusan berdoa, merendah diri dan bertakbir, dan Baginda mengerjakan sembahyang dua rakaat sebagaimana sembahyang sunat Hari Raya.*”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Walaupun ada pendapat yang mengatakan bahawa waktu sembahyang sunat Istisqa’ itu adalah seperti waktu sembahyang sunat Hari Raya berdasarkan kepada hadits di atas yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Abbas *Radhiallahu ‘anhuma*, namun hadits tersebut membawa maksud pada keutamaan mengerjakan sembahyang sunat Istisqa’ itu seperti waktu sembahyang sunat Hari Raya.

bersambung